

ISLAMISASI HOTEL MELALUI PENDEKATAN HADITH AHKAM

Najahudin Lateh, Prof. Madya Dr. Huzaimah Hj. Ismail, Baterah Alias
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM Shah Alam

ABSTRAK

Kertas ini menghimpun dan menganalisis hadith-hadith ahkam (hukum fiqh) berkaitan untuk menonjolkan konsep hotel dan rumah penginapan yang bercirikan Islam. Ia merangkumi gambaran reka bentuk ruang, organisasi dan pekerja serta pelanggan hotel berasaskan panduan daripada hadith-hadith Rasulullah SAW. Kertas ini lebih berbentuk cadangan atau syor tentang beberapa asas kepada pembentukan dan pengurusan sebuah hotel atau rumah penginapan Islam berpandukan neraca hadith sahih. Kertas ringkas ini dirasakan bermanfaat kepada semua pengkaji, pelajar dan pengusaha hotel, homestay, rumah tumpangan atau penginapan supaya dapat mereka bentuk atau mengubah premis sedia ada supaya selari dengan syariah.

Kata kunci : islamisasi, hotel islam, hadith ahkam, makanan halal

PENDAHULUAN

Islam yang berakarkan al-Quran dan hadith memberi cahaya panduan dalam setiap aspek kehidupan manusia. Melalui hadith sebagai contohnya memandu kita bagaimana hendak menjadikan sesebuah premis atau tempat tinggal kita supaya bertepatan dengan Islam. Walaupun bukan secara terus, namun suruhan, larangan dan pedoman lidah mulia Rasulullah SAW menjadikan kita tidak hilang idea dalam perkara ini. Justeru, kertas ini akan melihat beberapa ciri hotel, aspek dan proses islamisasi, iaitu usaha atau proses menjadikan patuh kepada, sejajar atau bersesuaian dengan ajaran agama Islam.¹ Ini bagi mewujudkan serta menguruskan sebuah hotel atau rumah penginapan awam dengan berpandukan hadith ahkam (hukum), iaitu hadith Rasulullah SAW berkaitan perbuatan mukallaf sama ada wajib, haram, sunat, makruh atau harus.² Semua hadith yang dikemukakan dalam kertas ini adalah hadith yang dinilai sahih mengikut kajian ilmu hadith.

REKA BENTUK DAN RUANG

1. Bilik Air / Tandas

Ruang bilik air dan tandas, sama ada di kawasan hotel atau dalam bilik penginapan adalah suatu yang penting untuk diteliti. Secara asas, Rasulullah SAW melarang buang air kecil atau besar dengan menghadap ke arah kiblat seperti yang diceritakan oleh Salman RA :

*"Rasulullah SAW sesungguhnya telah melarang kami menghadap kiblat ketika buang air besar atau kecil, atau beristinja' (membersihkan kotoran) dengan tangan kanan, atau beristinja' dengan batu kurang daripada tiga biji, atau beristinja' dengan kotoran haiwan atau dengan tulang."*³

*"Janganlah menghadap kiblat atau membelakanginya akan tetapi menghadaplah ke arah timur atau barat."*⁴

Justeru, hotel yang bercirikan Islam sepatutnya merancang lokasi dan pelan bilik air dan tandas supaya pelanggan tidak menghadap kiblat ketika qada' hajat. Kemudahan bilik air seperti paip air untuk beristinja' mestilah ada dan bukannya hanya diletakkan tisu semata-mata. Kelengkapan lain seperti kain basuhan, peralatan kecil lain seperti berus gigi, ubat gigi halal dan seumpamanya disyorkan diwujudkan oleh hotel Islam. Ini secara langsung membantu pelanggan supaya mematuhi galakan mandi tidak berbogel dan untuk sentiasa bersiwak. Sabda Rasulullah SAW :

*"Sesungguhnya Allah adalah pemalu dan suka menutupi. Dia menyukai seseorang yang tahu malu dan menutupi dirinya. Oleh itu apabila seseorang daripada kamu mandi, bertutuplah (berlindunglah)"*⁵

¹ Noraesah (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 590.

² Al-San'ani (1993). *Subul al-Salam Syarh Bulugh Al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Kaherah : Dar al-Hadith. h.11.

³ Hadith sahih riwayat Muslim daripada Salman RA.

⁴ Hadith sahih riwayat al-Bukhari, al-Nasa'i, Malik dan lafaz Ahmad daripada Abu Ayyub al-Ansari RA.

⁵ Hadith sahih riwayat Abu Dawud, al-Nasa'i dan al-Hakim daripada Ya'la bin Umai' RA.

"Jika tidak menjadi keberatan ke atas umatku, nescaya aku perintahkan mereka bersiwak (menggosok gigi) pada setiap kali wudhu."¹

Ruang Bilik

Pihak hotel juga boleh menyediakan ruangan ibadah khas dalam bilik penginapan. Ruangan ini boleh dilengkapi dengan tikar, sejadah, telekung, ketayap, tasbih dan sebagainya bagi memudahkan pelanggan menunaikan ibadah. Selain itu, tanda arah kiblat adalah suatu kemestian selain disediakan al-Quran dan terjemahannya untuk setiap bilik. Ruangan tersebut jangan pula menghadap ke arah bilik air atau tandas. Sebaiknya ia menghadap ke arah dinding hingga tiada orang yang boleh melalui di depannya. Ini suatu peringatan Rasulullah SAW :

"Jikalau orang yang melalui di depan orang yang solat mengetahui dosa yang akan dipikunya, maka ia lebih baik berdiri empat puluh hari daripada melalui di depannya."²

Suasana di sekeliling bilik penginapan, terutamanya ruangan untuk solat janganlah dipenuhi dengan gambar-gambar yang boleh mengganggu konsentrasi solat. Sabda Rasulullah SAW kepada Aisyah RA :

"Buangkan tiraimu ini daripada kita, sesungguhnya gambar-gambarnya selalu mengganguku dalam solatku."³

Malah, Rasulullah SAW mengingatkan bilik dan ruang yang mempunyai gambar haiwan atau patung tidak akan dimasuki oleh malaikat rahmat seperti sabda Baginda SAW :

"Malaikat tidak akan memasuki rumah yang di dalamnya terdapat anjing dan gambar (patung)."⁴

Ruang Ibadat/Solat

Solat adalah wajib ditunaikan, terutama pada awal waktu dan dilakukan secara berjamaah. Ini jelas dalam sabda Rasulullah SAW. :

"Solat berjamaah lebih baik daripada solat sendirian sebanyak 27 darjat."⁵

"Sebaik-baik amalan adalah solat pada awal waktunya."⁶

Justeru, pihak hotel perlu menyediakan surau atau bilik khas yang dijadikan musalla (tempat solat) dan lengkap dengan tempat wuduk. Ini sebagai langkah mesra mukmin bagi memberi kemudahan kepada pekerja dan pelanggan menunaikan solat lima waktu secara berjamaah. Lebih afdal lagi jika pihak hotel menyediakan imam, bilal dan siak yang bertugas secara tetap pada setiap hari. Laungan azan pula bolehlah dikumandangkan pada setiap waktu solat. Malah, rutin hotel begini juga boleh mengelakkan jin jahat daripada berlindung kerana syaitan takut kepada azan seperti sabda Baginda SAW :

"Apabila diseru (azan) untuk solat, makan larilah syaitan."⁷

Selain itu, papan tanda dan arah hendaklah jelas selain lokasi surau itu sendiri berada di tempat yang strategik untuk disinggahi oleh pelanggan. Surau atau musalla ini juga hendaklah sentiasa bersih, terjaga dan wangi. Aisyah RA berkata:

"Rasulullah SAW menyuruh membangunkan tempat-tempat solat di kampung dan dijaga kebersihan dan kewangian."⁸

Ruang Dapur, Makanan dan Restoran

Ruang dapur perlu diberi perhatian dalam industri hotel kerana salah satu piawai penilaian hotel adalah pada tahap kebersihannya. Makanan pula mestilah berkualiti, materialnya halal dan daripada sumber yang halal. Dalam hal ini, kebersihan ruang dapur dan kehalalan dan kualiti makanan amat perlu dititik beratkan. Imam al-Ghazali menganggap aspek pemakanan adalah sebahagian daripada urusan agama.⁹ Ini juga selaras dengan pesanan al-Quran dan hadith yang sering menggandingkan istilah halal dan *tayyib* (baik). Firman Allah SWT :

¹ Hadith sahih riwayat al-Bukhari (muallaq), Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah daripada Abu Hurayrah RA.

² Hadith sahih riwayat al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah daripada Abu Juhaim bin al-Harith RA.

³ Hadith sahih riwayat al-Bukhari daripada Anas bin Malik RA.

⁴ Hadith sahih riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah daripada Abu Talhah RA.

⁵ Hadith sahih riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah daripada Abd al-Allah bin Umar RA.

⁶ Hadith sahih riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi dan al-Hakim daripada Ibn Mas'ud RA.

⁷ Hadith sahih riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurayrah RA.

⁸ Hadith sahih riwayat Ahmad, Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah daripada Aisyah RA.

⁹ Al-Ghazali (t.t). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaheerah : Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi. h. 361.

"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) apakah yang diharamkan bagi mereka. Katakanlah, diharamkan bagi kamu yang baik-baik."¹

"Wahai manusia, makanlah kamu dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik."²

Oleh itu, setiap hotel yang bercirikan Islam hendaklah memenuhi piawai halal yang telah ditetapkan dalam negara seperti garis panduan makanan dan minuman halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan piawai Standard Malaysia MS 1500:2009 (Makanan Halal : Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum) Jabatan Standard Malaysia (DSM) di samping selari dengan Akta Perihal Dagangan 1972, GHP (Amalan Kebersihan Baik) dan sebagainya. Hotel dan dapur hotel bercirikan Islam juga mesti mendapat sijil halal. Namun agak menyedihkan kerana menurut JAKIM sehingga akhir tahun 2009, hanya terdapat 52 dapur hotel/resort yang mendapat pengesahan halal.³ Sekiranya analisa dibuat terhadap semua hotel yang ada di Malaysia, jumlah ini agak kecil berbanding dengan kualiti hotel yang besar.

Pihak hotel juga disyorkan memberi nilai tambah kepada ciri keislaman dengan menyediakan minuman dan makanan pencuci mulut daripada makanan yang disebut dalam al-Quran dan hadith seperti madu, zaitun, tin, delima, kurma, kismis dan habbatul sauda'. Galakan ini disebutkan dalam pelbagai hadith antaranya sabda Rasulullah SAW :

"*Sesungguhnya pada habbatul sauda' itu terdapat penawar daripada setiap penyakit kecuali sam (mati).*"⁴

"*Wahai Aisyah, rumah yang tiada padanya kurma seperti rumah yang tiada makanan.*"⁵

Makanan atau minuman yang haram seperti arak tidak boleh disajikan kepada semua pelanggan, tanpa mengira sama ada Muslim atau tidak. Restoran atau ruang makanan seperti di koridor bilik seminar atau dewan juga disyorkan mempunyai kerusi yang memadai untuk pelanggan. Ini bagi mengelakkan pelanggan makan dan minum secara berdiri yang bukan suatu yang digalakkan seperti sabda Baginda SAW :

"*Janganlah salah seorang daripada kami minum secara berdiri.*"⁶

ORGANISASI DAN PEKERJA HOTEL

Industri perhotelan mempunyai struktur organisasi yang biasanya terdiri daripada 33 jawatan, iaitu daripada pengurus hinggalah kepada tukang sapu (Mohamad Shahrin, 2003). Namun, secara umum pihak hotel tidak menyediakan jawatan yang terlibat dalam urusan keagamaan. Justeru, hotel bercirikan Islam sepatutnya mempunyai sekurang-kurangnya seorang Pegawai Agama yang boleh memberi justifikasi kepada sebarang perkara yang melibat hukum hakam. Pegawai Agama dan staf di bawahnya juga boleh berperanan melaksanakan tanggung jawab dakwah dan amar makruf nahi munkar seperti pesanan Rasulullah SAW :

"*Sesiapa daripada kamu yang melihat kemungkaran, makan hendaklah ia ubah dengan tangannya. Jika tidak mampu, ubahlah dengan lidahnya. Jika tidak mampu, ubahlah dengan hatinya dan ia adalah lemah-lemah iman.*"⁷

Malah, pihak kerajaan ataupun hotel sendiri perlu mengambil inisiatif untuk mewujudkan Majlis Penasihat Syariah seperti yang terdapat dalam industri perbankan dan takaful negara. Majlis ini boleh berfungsi menasihati, memantau serta mengenal pasti pelaksanaan urusan sama ada dari segi fizikal, makanan dan persekitaran sentiasa berada dalam piawai syariah. Inilah yang digalakkan oleh Baginda SAW :

"*Agama itu nasihat.*" *Lalu kami (Tamim bin Aus al-Dari) bertanya : Bagi siapa? Lalu (Rasulullah SAW) bersabda : Bagi Allah dan bagi kitabNya dan bagi RasulNya dan imam-imam kaum Muslimin dan bagi orang ramai.*⁸

Hotel bercirikan Islam juga wajib mempunyai kod pakaian yang selari dengan Islam. Oleh itu, setiap pekerjaannya mestilah berpakaian Islam menutup aurat, tidak tidak terlalu ketat,

¹ Al-Quran, al-Ma'idah, 5 : 4.

² Al-Quran, al-Baqarah, 2 : 168.

³ JAKIM. *Buletin Halal*. Disember 2009, h. 11

⁴ Hadith sahih riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Ibn Majah dan Ahmad daripada Abu Hurayrah RA dan Aisyah RA

⁵ Hadith sahih riwayat Muslim daripada Aisyah RA.

⁶ Hadith sahih riwayat Muslim daripada Ali Abu Talib RA.

⁷ Hadith sahih riwayat Muslim daripada Abu Said al-Khudri RA.

⁸ Hadith sahih riwayat Muslim daripada Tamim bin Aus al-Dari RA.

tidak pula terlalu longgar serta warna pakaian dan memakai wang-wangian yang berpatutan. Firman Allah SWT :

*"Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu dan wanita-wanita mukminah, hendaklah mereka melabuhkan tudungnya ke seluruh tubuh mereka"*¹

Begitu juga sabda Rasulullah SAW :

*"Aisyah RA telah berkata, sesungguhnya Asma binti Abu Bakar menemui Nabi SAW dengan memakai busana yang tipis, lalu Nabi berpaling daripadanya dan bersabda, "Wahai Asma, sesungguhnya apabila wanita itu telah baligh (sudah haidh) tidak boleh dilihat daripadanya kecuali ini dan ini", sambil mengisyaratkan pada muka dan telapak tangannya."*²

Para pekerja hotel dan rumah penginapan juga perlu menjaga etika ketika bertugas, mengawal pergaulan, personaliti selain bersikap prihatin dan jujur terhadap pelanggan. Semua ini adalah galakan daripada hadith-hadith Rasulullah SAW yang perlu diaplikasikan oleh semua Muslim.

PELANGGAN

Hotel yang bercirikan Islam juga bertanggung jawab ke atas perilaku dan aktiviti pelanggan. Justeru, hotel perlu memastikan pasangan lelaki dan perempuan yang menginap merupakan pelanggan yang sah dari segi hubungan syarak. Mereka yang belum berkahwin dan bukan mahram tidak boleh dibenarkan menginap bersama dalam satu bilik. Sabda Rasulullah SAW :
*"Janganlah seorang wanita bermusafir perjalanan kecuali bersama mahram"*³
*"Janganlah seseorang kamu bersunyi-sunyian dengan seorang wanita melainkan bersama-sama mahram."*⁴

Ini bagi mengelakkan gejala zina yang sangat diharamkan dalam Islam. Kawasan premis hotel mestilah jauh daripada lokasi yang memungkinkan suatu pergaulan bebas dan suasana berdua-duaan berlaku. Inilah yang dipesankan oleh Rasulullah SAW :

*"Tidak boleh bersunyi seorang lelaki dengan seorang perempuan yang tidak halal baginya, sesungguhnya yang ketiga adalah syaitan."*⁵

Oleh itu, hotel sewajarnya meletakkan peringatan dalam pamflet, risalah, papan tanda dan seumpamanya tentang larangan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Selain itu, segala aktiviti dan makanan serta minuman haram seperti arak perlulah disekat daripada dibawa masuk oleh pelanggan. Sabda Rasulullah SAW :
*"Setiap yang memabukkan adalah khamar (arak) dan setiap yang memabukkan adalah haram."*⁶

Allah SWT sendiri menggambarkan arak adalah perbuatan keji yang disukai syaitan. Oleh itu, umat Islam diseru menjauhinya. FirmanNya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak dan judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang panah adalah kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya".*⁷

KEMUDAHAN UMUM

Industri perhotelan biasanya menyediakan pelbagai kemudahan sampingan kepada pelanggan seperti televisyen, kelab, kolam mandi, akhbar dan sebagainya. Sebagai hotel bercirikan Islam, perkara ini juga perlu diberi pertimbangan supaya selari dengan syariah. Justeru, televisyen sepatutnya mempunyai saluran informasi Islam dan hanya melanggan saluran bersesuaian seperti pendidikan, selain mengelak melanggan saluran yang tidak bermanfaat. Kelab, pusat hiburan, pusat urut dan sebagainya sewajarnya dipisahkan antara lelaki dan perempuan selain tiada ruang untuk pergaulan bebas dan dalam suasana gelap.

¹ Al-Quran, al-Ahzab 33 : 59

² Hadith sahih riwayat Abu Dawud daripada Aisyah RA.

³ Hadith sahih riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Ibn Abbas RA.

⁴ Hadith sahih riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Ibn Abbas RA.

⁵ Hadith sahih riwayat al-Tirmidhi dan Ahmad daripada Jabir bin Samurah RA.

⁶ Hadith sahih riwayat Muslim daripada Ibn Umar RA.

⁷ Al-Quran, al-Ma'idah, 5 : 90

Kolam mandi pula wajib dipisahkan lelaki dengan perempuan di samping ingatan penggunaan pemakaian yang sesuai dengan syarak.

Selain itu, pihak hotel juga boleh mengadakan program keilmuan Islam dari masa ke semasa. Risalah dan pelekat peringatan seperti doa harian perlu diedar dan ditampal di tempat strategik serta berkaitan. Program berkala seperti ceramah, kuliah dan bentuk tazkirah bukan lisan seperti di papan notis, banner dan sebagainya juga perlu diberi perhatian. Ini semua memenuhi tuntutan Rasulullah SAW :

"Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat."¹

"Siapa yang menunjukkan (menggalakkan) ke arah kebaikan, maka baginya pahala seperti pahala orang yang melakukannya."²

CADANGAN

Untuk melengkapkan kertas ini, penulis ingin memberi cadangan kepada tiga pihak seperti berikut :

Kerajaan perlulah mengubal atau meminda akta dan enakmen berkaitan dengan hotel, rumah penginapan dan dagangan supaya selari dengan Islam seperti mewajibkan setiap hotel memperolehi sijil halal dan mempunyai Majlis Penasihat Syariah sebelum boleh beroperasi.

Pengusaha hotel atau rumah penginapan perlu mengambil inisiatif sendiri bergerak mewujudkan pengurusan dan persekitaran yang lebih Islam seperti yang dibincangkan di atas. Sekurang-kurangnya wujudkanlah seorang pegawai yang berkelulusan agama untuk menguruskan program dan persoalan Islam di premis.

Pelanggan, terutama umat Islam mestilah menggunakan kuasa pengguna dan pemilih yang ada pada mereka dengan hanya melanggan premis penginapan yang memenuhi piawai halal dan patuh syariah. Begitu juga pelanggan seharusnya berterusan mendesak hotel supaya mengambil persijilan halal dan menyediakan persekitaran yang lebih Islam di premis mereka.

PENUTUP

Secara umum, hotel atau rumah penginapan perlulah mengorak langkah menuju kepada pengamalan Islam semuanya. Islamisasi ini perlu dilakukan sedikit demi sedikit. Peranan pihak kerajaan juga diperlukan terutama melalui dasar dan penguatkuasaan yang berterusan. Akhir sekali, pelangganlah yang menjadi kuasa untuk memastikan proses islamisasi hotel ini terus berjalan. Penguasa akan mengikut kuasa pelanggan. Jika ramai pelanggan yang berkehendakkan begitu, pasti penguasa hotel akan mengikutnya.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar (1994), *Bulugh al-Maram*. Beirut : Dar al-Jil.

Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il (1991M), *Sahih al-Bukhari*. 5 j. Beirut : Dar al-'Asriyah.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad al-Tusi (t.t). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah : Dar al-Hya' al-Turath al-Arabi.

Al-Hakim, Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Naysaburi (1411H/1990M), *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1413H/1993M), *Al-Musnad*. 6 j. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Ishak Hj. Sulaiman, (1999). *Jurnal Usuluddin*. Dalam Mohamad Kamil Abd Majid et.al (Ed.), *Metodologi Penulisan Bulugh Al-Maram Sebagai Kitab Hadith Al-Ahkam* (h. 1 - 20). Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Buletin Halal*. Disember 2009.

Al-Marbawi, Mohamed Idris (t.t). *Bulugh Al-Maram Serta Terjemah Melayu*. Kaherah : Matba'ah al-Anwar al-Muhammadiyah.

Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid (1994M), *Sunan Ibn Majah*. Kaherah : Dar al-Hadith.

Malik bin Anas (1413H/1993M), *Al-Muwatta'*, 2 j. Kaherah : Dar al-Hadith

Mohamad Shahrin Ab. Karim (2003). *Kerjaya dalam Bidang Hospitaliti*, Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

¹ Hadith sahih riwayat al-Bukhari daripada Abd al-Allah bin Amr bin al-Asr RA.

² Hadith sahih riwayat Muslim daripada Uqabah bin Amr al-Ansari RA.

Muslim bin al-Hajjaj (1412H/1991M), *Sahih Muslim*, 5 j. Kaherah : Dar al-Hadith.
Al-Nasa'i, Abu `Abd al-Rahman Ahmad bin Syu`ayb (1991M), *Sunan al-Nasa'i*, 8 j. Beirut : Dar al-Ma`rifah.
Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya bin Syaraf (1414H/1994M), *Riyad al-Salihin min Kalam al-Mursalin*, c. 1. Kaherah : Dar al-Hadith.
Noraesah Baharom. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
Al-Sijistani, Abu Dawud Sulayman (t.t), *Sunan Abi Dawud*, 4 j. Kaherah : Dar al-Hadith.
Al-Tirmidhi, Abu `Isa Muhammad bin `Isa (t.t), *Al-Jami' al-Sahih*, 5 j. Kaherah : Dar al-Hadith.
Al-San'ani, Muhammad bin Ismail. (1993). *Subul al-Salam Syarh Bulugh Al-Maram Min Adillah al-Ahkam*. Kaherah : Dar al-Hadith.